

**Soalan Lazim Berkaitan Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1**

**Kepada LMM Kelas B**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
<b>UMUM</b>		
1.	Apakah Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B adalah bertujuan untuk: <ol style="list-style-type: none"> <li>Menaik Taraf Pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 Kepada Kelas B Tertakluk Kepada Syarat-Syarat Yang Ditetapkan; dan</li> <li>Tiada lagi permohonan baharu bagi mendapatkan LMM Kelas B1 di Institusi Memandu (IM).</li> </ol>
2.	Bilakah Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) KelasB2/B1kepadalMMMKelasB akan mula dilaksanakan?	Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B akan dilaksanakan bermula 1 Oktober 2024.
3.	Bilakah Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B berakhir?	Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B akan dilaksanakan sehingga tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<b>SYARAT-SYARAT</b>	
4.	Bagaimanakah cara pemohon boleh membuat semakan syarat-syarat kelayakan bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	<p>Semakan syarat-syarat kelayakan bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B boleh dibuat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Aplikasi MyJPJ;</li> <li>b. Portal mySIKAP awam (<a href="https://public.jpj.gov.my">https://public.jpj.gov.my</a>); atau</li> <li>c. KaunterJPJ.</li> </ul>
5.	Apakah syarat-syarat kelayakan bagi menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	<p>Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Warganegara Malaysia;</li> <li>b. Memegang Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas B2/B1 telah mencukupi tempoh 10 tahun dan ke atas;</li> <li>c. Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas B2/B1 aktif dan berkuatkuasa;</li> <li>d. Pemegang Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas A dan A1 adalah tidak layak;</li> <li>e. Bebas senarai hitam JPJ &amp; PDRM, tunggakan saman, sekatan urus niaga, rekod sabitan kesalahan berat atau sebarang perkara belum selesai di bawah Akta 333;</li> <li>f. Lulus pengesahan sihat tubuh badan/ fizikal/ minda secara deklarasi kendiri oleh individu; dan</li> <li>g. Menghadiri serta lulus kursus penyesuaian pengesahan amali bersama Pegawai Penguji Berkelayakan (QTO) JPJ selama dua (2) jam di Institut Memandu (IM).</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<b>PERMOHONAN</b>	
6.	Bagaimanakah proses untuk menyemak kelayakan bagi mengikuti Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada B?	<p>Pemegang lesen memandu boleh membuat semakan kelayakan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Aplikasi MyJPJ;</li> <li>b. Portal mySIKAP awam (<a href="https://public.jpj.gov.my">https://public.jpj.gov.my</a>); atau</li> <li>c. Kaunter JPJ.</li> </ul>
7.	Sekiranya LAYAK, dimanakah saluran pendaftaran Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	<p>Selepas pemohon membuat semakan kelayakan dalam Aplikasi MyJPJ,Portal mySIKAP awam atau di Kaunter JPJ dan disahkan <b>LAYAK</b>, pemohon dikehendaki:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Hadir ke mana-mana Institut Memandu (IM) yang terpilih/ di seluruh Malaysia yang menawarkan Lesen Memandu Motosikal Kelas B dan mendaftar untuk mengikuti Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia(LMM) Kelas B2/B1 kepada B;</li> <li>b. Pemegang lesen hendaklah membuat pengesahan kendiri kesihatan tubuh badan/ fizikal/ minda semasa pendaftaran di Institut Memandu (IM).</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN										
	<b>KADARFI</b>											
8.	<p>Berapakah kadar fi yang dikenakan bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?</p> <p>Kadar siling fi kepada Institut Memandu (IM) bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada B adalah <b>RM160.00</b> (tidak termasuk SST).</p> <p>Kadar fi ini adalah termasuk:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>1.</td> <td>Pendaftaran dan insurans pelajar</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kursus peralihan dan penyesuaian (2Jam)</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Fi perkhidmatan (termasuk sewaan kenderaan dan litar)</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Fi ujian JPJ</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> </tr> </table>		1.	Pendaftaran dan insurans pelajar	2.	Kursus peralihan dan penyesuaian (2Jam)	3.	Fi perkhidmatan (termasuk sewaan kenderaan dan litar)	4.	Fi ujian JPJ		
1.	Pendaftaran dan insurans pelajar											
2.	Kursus peralihan dan penyesuaian (2Jam)											
3.	Fi perkhidmatan (termasuk sewaan kenderaan dan litar)											
4.	Fi ujian JPJ											

BIL	SOALAN	JAWAPAN															
<b>LESEN MEMANDU</b>																	
9.	Berapakah kadar fi pengeluaran Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas B bagi individu yang telah menamatkan Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	<p>Selepas menamatkan Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B dengan keputusan LULUS, pemohon tersebut hendaklah hadir ke kaunter JPJ berhampiran bagi melakukan pengeluaran CDL Kelas B;</p> <p>Kadar fi yang akan dikenakan adalah tertakluk kepada kelas lesen yang dimiliki. Contoh Jadual fi pengeluaran CDL Kelas B adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Perkara</th><th>FI (RM)</th></tr> <tr> <th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>FI (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Memiliki CDL Kelas Motosikal (B/B2/ C)</td><td>20.00</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Memiliki CDL Kelas setain Motosikal (D/E/H/ I)</td><td>30.00</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Tambah Kelas</td><td>5.00</td></tr> </tbody> </table> <p>(memiliki CDL tempoh &gt; 10 tahun dan &lt; 11 tahun)</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tarikh tamat kuat kuasa lesen memandu akan ditambah tempoh satu (1) tahun kecuali tambah kelas; dan</li> <li>ii. Jadual fidia tidak termasuk if penyelaras.</li> </ul>	Bil	Perkara	FI (RM)	Bil.	Perkara	FI (RM)	1.	Memiliki CDL Kelas Motosikal (B/B2/ C)	20.00	2.	Memiliki CDL Kelas setain Motosikal (D/E/H/ I)	30.00	3.	Tambah Kelas	5.00
Bil	Perkara	FI (RM)															
Bil.	Perkara	FI (RM)															
1.	Memiliki CDL Kelas Motosikal (B/B2/ C)	20.00															
2.	Memiliki CDL Kelas setain Motosikal (D/E/H/ I)	30.00															
3.	Tambah Kelas	5.00															

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10.	Berapakah kadar fi pengeluaran Lesen Memandu Kompeten(CDL) Kelas B bagi pemegang lesen yang telah memperbaharui LMM sehingga tempoh maksimum 10 tahun?	Bagi pemegang lesen yang telah memperbaharui Lesen Memandu Malaysia (LMM) sehingga tempoh maksimum 10 tahun,kadar fi pengeluaran Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas B yang akan dikenakan adalah sebanyak RM5.00.
11.	Calon telah lulus Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B. Bilakah pengeluaran LMM boleh dilaksanakan?	Bagi pengeluaran Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B, calon boleh hadir ke Kaunter JPJ selepas tempoh 24 jam keputusan ujian dikemas kini oleh Pegawai JPJ. Walau bagaimanapun, pengeluaran LMM perlu dibuat dalam tempoh 1 tahun dari tarikh keputusan ujian disahkan.
12.	Saya tidak memperbaharui Lesen Memandu Malaysia (LMM) di dalam tempoh Kebenaran Khas Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Tamat Tempoh yang diberikan oleh Kerajaan pada 8 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023. Adakah saya layak untuk menyertai Program Khas Peralihan ini?	Individu <b>LAYAK</b> menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada B.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<b>LATIHAN</b>	
13.	Berapakah jam Latihan bagi kursus penyesuaian Kelas B bersama pengajar Institut Memandu?	Calon perlu menjalani Latihan Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP02) Praktikal Di Litar (Persediaan Sebelum Memulakan Perjalanan) dan Ujian Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP03)Praktikal Di Jalan (Penunggangan Selamat) selama tempoh dua (2) jam sahaja.
14.	Sekiranya calon tidak dapat menyelesaikan latihan 2 jam secara berterusan, Bolehkah calon melengkapkan jam latihan pada hari yang lain?	Tidak. Calon perlu menyelesaikan Latihan 2 jam secara berterusan pada hari yang sama.
15.	Pemohon telah mendaftar dan mendapat tarikh latihan dan ujian daripada IM, tetapi tidak hadir pada tarikh yang telah ditetapkan. Adakah pemohon boleh membuat pindaan tarikh latihan dan ujian?	Pindaan tarikh latihan dan ujian perlu hanya boleh dikemaskini sehari sebelum tarikh latihan dan ujian sebenar. Sekiranya pemohon tidak membuat pengemaskinian sehari sebelum tarikh latihan dan ujian sebenar, penyertaan dalam Program Khas Peralihan ini adalah dikira gagal, dan tuntutan semula ( <i>refund</i> ) daripada IM adalah tidak dibenarkan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
16.	Pemohon telah mendaftar di Institut Memandu (IM) bagi latihan dan pengujian mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B sebelum Program Khas dilaksanakan pada 1 Oktober 2024. Adakah individu boleh membuat tuntutan semula ( <i>refund</i> ) daripada IM dan mendaftar ke dalam Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	Bagi tuntutan semula ( <i>refund</i> ) adalah tertakluk atas budi bicara daripada IM dengan mengambil kira kos yang telah dibelanjakan. Pemohon tersebut layak untuk menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<b>PENGUJIAN</b>	
17.	Apakah ujian praktikal memandu masih perlu dilalui oleh pemohon yang mengikuti Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada LMM Kelas B?	Ya, ujian masih dikekalkan bagi menentukan tahap kekompetenansetiap calon.
18.	Apakah yang akan berlaku sekiranya peserta telah gagal dalam ujian praktikal yang dikendalikan oleh pegawai penguji JPJ?	Pesertadikira <b>GAGAL</b> dan perlumendaftarsemulasertamengulangikeseluruhan proses latihan dan ujian.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<b>HAL-HALLAIN</b>	
19.	Adakah pemegang Lesen Memandu Malaysia(LMM)B2 atau B1 yang telah tamat tempoh, layak untuk menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia(LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B?	Individu <b>TIDAK LAYAK</b> menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/ B1 kepada B kerana salah satu syarat utama adalah perlu memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas B2/ B1 aktif dan berkuat kuasa.
20.	Adakah pemohon perlu memiliki Lesen Belajar Memandu (LDL) Kelas B sebelum menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia(LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B?	Tidak perlu.
21.	Pemohon telah membuat semakan kelayakan dan tidak layak kerana terdapat senarai hitam JPJ & PDRM, tunggakan saman, sekatan urus niaga, rekod sabitan kesalahan berat atau sebarang perkara belum selesai di bawah Akta 333 perlu menyelesaikan perkara-perkara tertunggak tersebut untuk melayakkan diri menyertai Program Khas Peralihan ini.	Individu <b>TIDAK LAYAK</b> menyertai Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B kerana terdapat senarai hitam JPJ & PDRM, tunggakan saman, sekatan urus niaga, rekod sabitan kesalahan berat atau sebarang perkara belum selesai di bawah Akta 333 perlu menyelesaikan perkara-perkara tertunggak tersebut untuk melayakkan diri menyertai Program Khas Peralihan ini.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
22.	Saya memerlukan maklumat lanjut berkaitan Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B ini. Bagaimanakan saya boleh menghubungi JPJ untuk pertanyaan soalan?	<p>Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan "Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B", sila hubungi pihak JPJ melalui saluran seperti berikut:</p> <p>Telefon : 03-88928720/8725/8693/8689  E-mel : <a href="mailto:infolesen@pj.gov.my">infolesen@pj.gov.my</a></p>